

# PM bertemu 7 pemimpin Eropah, Asean

Daripada Zainudin Isa

**H**ELSINKI: DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi yang tiba semalam untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asia-Eropah Keenam (Asem 6), mempunyai jadual ketat sepanjang tiga hari, di sini.

Perdana Menteri tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Helsinki-Vantaa, kira-kira 45 kilometer dari bandar raya ini, jam 2.20 petang (jam 7.20 petang waktu Malaysia) dengan disambut Timbalan Menteri Luar, Datuk Salang Gandum serta pegawai kanan Malaysia di sini.

Selain menghadiri mesyuarat itu yang turut disertai ketua kerajaan dan pemimpin kanan dari 39 negara Asia dan Eropah, Perdana Menteri dijadualkan mengadakan pertemuan dua hala dengan sekurang-kurangnya tujuh pemimpin negara

Eropah dari Asean.

Antara pemimpin yang mengadakan pertemuan empat mata dengan Abdullah semalam ialah Presiden Finland, Tarja Halonen; disusuli Canselor Jerman, Angela Merkel; Perdana Menteri Poland Jaroslaw Kaczynski; Perdana Menteri Belgium, Guy Verhofstad; Perdana Menteri Itali, Romano Prodi; Perdana Menteri Belanda, Jan Peter Balkenende dan Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong.

Asem kali ini adalah terbesar pernah diadakan berikutan keputusan menerima 13 anggota baru ke dalam forum kerjasama berkenaan, iaitu 10 negara anggota baru Kesatuan Eropah (ED), dan tiga negara Asean-Myanmar, Kemboja, Laos, menjadikannya 38 negara dan Suruhanjaya Eropah (EC).

Kemuncak mesyuarat tahun ini

yang meraikan ulang tahun ke-10 penubuhan Asem bertemakan 'Cabaran Global Tanggungjawab Bersama' ialah upacara pembukaan hari ini yang turut dihadiri Abdullah, Ia diikuti sesi tertutup pertama pe-

mimpin Asem bertemakan 'Memperkuhkan Multilateralisme dan Isu Ancaman Keselamatan'.

Pagi esok, Abdullah akan menyampaikan ucapan pada sesi tertutup kedua bertemakan 'Dialog Antara Budaya dan Tamadun'.

Perdana Menteri kemudian menghadiri jamuan kerja tengah hari dengan tema 'Pembangunan Lestari dan Isu Mengenai Alam Sekitar dari Keselamatan Tenaga'.

Pada sebelah petang pula, Perdana Menteri akan menghadiri sesi tertutup ketiga membincangkan topik 'Globalisasi dan Persaingan' diikuti sesi tertutup terakhir bertema 'Masa Depan Asem'.

Abdullah juga akan mengadakan temu bual khas dengan akhbar Financial Times Deutschland di hotel kediaman rasminya, Radjsson SAS Royal, sebaik penutup persidangan itu.

